



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

## **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**Isnin, 28 November 2022**

1	Harga telur ayam cecah RM18 seapan
2	Bukan penternak nak sabotaj!
3	-Persatuan nafi sabotaj penternak jadi punca -Bekalan telur ayam kian pulih, harga masih mahal

DISEDIAKAN OLEH :  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT,**  
**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28.11.2022	KOSMO	NEGARA	16

Peniaga dikenakan caj tambahan sebanyak 2 sen sebiji oleh pembekal

## Harga telur ayam cecah RM18 sepapan

Oleh TENGKU DANISH BAHRI  
TENGKU YUSOFF dan KAMALIZA  
KAMARUDDIN

**KUALA NERUS** – Bekalan telur ayam di sekitar daerah ini dan Kuala Terengganu kembali stabil, namun harganya kini meningkat sehingga mencecah RM18 sepapan bagi telur gred A.

Tinjauan Kosmo di beberapa kedai runcit di sekitar daerah ini mendapati, harga telur yang dijual itu melebihi paras normal berbanding kebiasaan bagi telur ayam gred A, B dan C.

Seorang peniaga yang dikenakan sebagai Yusof, 44, berkata, dia mendapat bekalan antara 500 sehingga 600 papan telur ayam daripada pembekal pada Khamis lalu, namun dikenakan caj tambahan.

Katanya, pembekal tidak memaklumkan sebab utama bekalan telur ayam kembali pulih secara tiba-tiba, namun difahamkan ia tiada kena mengena dengan Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15).

"Tidak dinafikan sebelum ini bekalan memang terputus dan saya hanya menerima penghantaran telur ayam sekali atau dua kali dalam seminggu daripada pembekal.

"Namun, sejak minggu lalu, bekalan sudah normal seperti



BEKALAN telur ayam gred A dan B yang masing-masing dijual pada harga RM18 dan RM17 sepapan di sebuah kedai runcit di Kuala Nerus semalam.

biasa walaupun bilangan masih sedikit, pembekal menghantar lebih kerap iaitu tiga kali seminggu," katanya kepada Kosmo semalam.

Katanya, peniaga dikenakan caj tambahan iaitu caj penghantaran 2 sen untuk setiap biji telur sehingga memaksa harga jualan dinaikkan untuk semua gred.

Seorang lagi peniaga kedai runcit yang mahu dikenali sebagai Azman, 52, berkata, bekalan telur ayam dijangka terus pulih dalam masa terdekat sambil turut tidak menolak berlaku kenai-

kan harga.

Jelasnya, telur ayam gred A kini dijual pada harga RM18 sepapan, B (RM17) dan C (RM16) iaitu lebih mahal berbanding harga biasa antara RM13 sehingga RM15.50 bagi ketiga-tiga gred telur itu.

"Agak menghairankan juga selepas PRU15 bekalan telur pulih secara tiba-tiba tetapi saya diribatuh ia secara ketubatan."

"Memang harganya semakin mahal, ramai pengguna mengeluh dan mereka hanya membeli telur ayam gred C kerana lebih



PIHAK KPDNHEP memberi jaminan masalah kekurangan bekalan telur ayam di Terengganu akan selesai dalam beberapa hari lagi.

murah," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu, Saharuddin Mohd. Kia berkata, pemeriksaan pihaknya mendapati kesemua 13 pemborong telur ayam utama negeri ini mula menerima bekalan dalam kapasiti 100 peratus daripada pengeluar sejak kelmarin.

"Bekalan telur ayam itu mula diagihkan ke semua pasar raya dan kedai runcit di seluruh negeri ini secara berperingkat.

"Boleh dikatakan masalah kekurangan telur ayam di Terengganu kini sudah berjaya diatasi hampir 60 peratus," katanya ketika dihubungi semalam.

Saharuddin bagaimanapun menasihatkan pengguna agar tidak melakukan pembelian panik yang dikhawatir boleh mengganggu rantaian bekalan.

Beliau berkata, berdasarkan rekod bekalan yang diterima pemborong berkenaan, masalah kekurangan telur ayam dijamin selesai sepenuhnya dalam beberapa hari lagi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28.11.2022	HARIAN METRO	LOKAL	24

### BEKALAN TELUR BERKURANGAN

## Bukan penternak nak sabotaj!

Oleh Mohamed Farid  
Noh  
farid\_noth@bh.com.my

Johor Bahru\*

Persatuan Penternak Unggas (Kecil dan Sederahan) Negeri Johor menafikan dakwaan kononnya kekurangan telur ayam di pasaran adalah akibat tindakan sabotaj penternak berikutnya mahu harga bahan mentah itu dinaikkan.

Setiausaha, Lau, Ka Leng berkata, tuduhan itu amat tidak benar apatah lagi tindakan sabotaj termasuk menyimpan telur di gu-

dang, hanya merugikan penternak.

Katanya, tuduhan yang menyatakan pemborong mengutamakan pasaran Singapura juga tidak benar kerana itu kekurangan telur di pasaran kerana berlaku kekurangan ayam penelur di seluruh negara.

"Penternak ayam sebenarnya menghadapi isu kekurangan ayam penelur sejak beberapa bulan lalu berikutan gabungan faktor isu kekurangan ayam, harga dedak yang terlalu tinggi serta penyakit. Kekurangan ayam segera sebelum ini menyebabkan penternak terpaksa

mengjual ayam penelur sebagai ayam daging berikutnya permintaan tinggi ayam segar di pasaran.

"Ia menyebabkan kita kekurangan ayam penelur dan pusingan telur untuk pasaran juga akhirnya terjejas.

"Harga dedak yang terlalu tinggi dan penyakit yang menyering ayam juga antara faktor menyebabkan, ayam penelur kekurangan sekali gus jadi punca bekalan telur terus terjejas dan tidak dapat dipenuhi sejak hampir lima bulan lalu," katanya ketika dihubungi.

Minggu lalu, peniaga kedai runcit sekitar Johor Bahru

dilaporkan mendakwa isu kekurangan telur di pasaran tempatan sejak lima bulan lalu, seolah-olah disengaja-sengaja apabila pemborong mencari bekalan telur yang dihantar ke kedai-kedai runcit di sini.

Ia berikutnya peniaga mendakwa pemborong lebih mengutamakan telur dihantar ke pasaran Singapura berikutan harganya lebih tinggi di sana.

Dalam pada itu, Ka Leng menyifatkan tuduhan menyatakan kekurangan telur di pasaran adalah tindakan terancang penternak yang mahukan menaikkan harga

bahan mentah itu juga adalah tuduhan yang melampau.

"Mana ada kita rancang dan simpan telur. Jangka hayat telur tidak lama, kalau disimpan akan rosak dan hanya rugikan kami. Berbanding ayam segar boleh di-sejuk beku, telur jika disimpan dalam peti sejuk lebih seminggu pun akan rosak."

Bagaimanapun Ka Leng berkata, bekalan telur ayam kini semakin pulih apabila lebih 60 peratus permintaan dapat dipenuhi penternak ketika ini.

Katanya, ketika ini beka-

lan telur pulih stabil dengan hanya 40 peratus lagi gangguan pada bekalan.

"Sebab itu di beberapa kawasan berlaku situasi seperti lambakan bekalan telur sehari dua ini, sedangkan ia hanya kebetulan berlaku ketika kerajaan baru dibubarkan. Bekalan telur dijangka pulih sepenuhnya menjelang Ramadan nanti apabila pusingan ayam penelur dan telur dapat menghasilkan telur seperti biasa," katanya. Untuk rekor, secara purata negara memerlukan antara 30 hingga 31 juta biji telur sehari yang dikeluarkan oleh 1,500 penternak se-luruh negara.

# Persatuan nafi sabotaj penternak jadi punca

**Johor Bahru:** Persatuan Penternak Unggas (Kecil dan Sederhana) Negeri Johor menafikan dakwaan kononnya kekurangan telur ayam di pasaran disebabkan mahu penternak sabotaj.

Setiausaha, Lau Ka Leng, berkata dakwaan itu tidak berdasas apatah lagi tindakan sabotaj termasuk menyimpan telur di gudang, hanya merupakan penternak.

Bagaimanapun, katanya bekalan telur ayam sudah pulih 60 peratus sehari dua ini dan 40 peratus lagi mengalami gangguan bekalan.

Katanya, ketika ini bekalan te-

lur hampir stabil dengan hanya 40 peratus lagi gangguan pada bekalan.

"Sebab itu di beberapa kawasan berlaku situasi seperti lambakan bekalan telur sehari dua ini, sedangkan ia hanya kebetulan berlaku ketika kerajaan baharu ditubuhkan."

"Bekalan telur dijangka pulih sepenuhnya menjelang Ramadan nanti apabila pusingan ayam penelur dan telur dapat menghaluskan telur seperti biasa," katanya ketika dihubungi, di sini semalam.

Untuk rekod, secara purata negara memerlukan antara 30 hingga 31 juta biji telur sehari yang

dikeluaran oleh 1,500 penternak seluruh negara.

Beliau berkata, dakwaan menyatakan pemborong mengutamakan pasaran Singapura juga tidak benar kerana isu kekurangan telur di pasaran kerana berlaku kekurangan ayam penelur di seluruh negara.

**Akibat pelbagai faktor**  
"Penternak ayam sebenarnya menghadapi isu kekurangan ayam penelur sejak beberapa bulan lalu berikutan gabungan faktor isu kekurangan ayam, harga tiada dapat dipenuhi sejak hampir lima bulan lalu," katanya.

"Kekurangan ayam segar se-

belum ini menyebabkan penternak terpaksa menjual ayam penelur sebagai ayam daging berikutnya permintaan tinggi terhadap ayam segar di pasaran.

"

"Ia menyebabkan kita kekurangan ayam penelur dan pusingan telur untuk pasaran juga akhirnya terjejas."

"Harga dedah yang terlalu tinggi dan penyakit yang menyerang ayam juga antara faktor menyebabkan ayam penelur berkurangan, sekali gus jadi punca berlaku telur terus terjejas dan tiada dapat dipenuhi sejak hampir lima bulan lalu," katanya.

"

"Minggu lalu, peniaga kedai runcit sekitar Johor Bahru di-

laporkan mendakwa isu kekurangan telur di pasaran tempatan sejak lima bulan lalu, seolah-olah disengajakan apabila pemborong mencatut bekalan telur yang dihantar ke kedai runcit di sini.

Ia berikutnya peniaga mendakwa pemborong lebih mengutamakan telur dihantar ke pasaran Singapura berikutan harganya lebih tinggi di sana.

Dalam pada itu, Ka Leng menyifatkan tuduhan menyatakan kekurangan telur di pasaran adalah tindakan terancang penternak yang mahukan menaikkan harga bahan mentah itu, juga adalah tuduhan yang melan-

tu.

Untuk maklumat, penternak te-

## NASIONAL

# Bekalan telur ayam kian pulih, harga masih mahal

Orang ramai khawatir isu bekalan kurang berlarutan hingga Ramadhan, Syawal

Oleh Nuratikah Athilya Hassan, Izz Laily Hussein dan Hazira Ahmad Zaidi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Beberapa kawasan menyaksikan bekalan telur ayam pulih sedikit, tetapi harga masih mahal.

Bagaimanapun, tinjauan mendapati masih banyak kawasan yang masih menghadapi kekurangan bekalan telur ayam, khususnya di luar Lembah Klang.

Tinjauan mendapati beberapa peruncit masih tidak mengambil bekalan telur ayam kerana harga runcit mencecah lebih daripada RM17 sepanjang (30 biji).

Pemilik kedai runcit, Muhammad Faisal Hariri Zulian, 27, berkata ada peningkatan bekalan telur sejak beberapa hari ini, namun terdapat peningkatan harga juga.

Katanya, bagaimanapun kebanyakannya pembekal tidak dapat memberikan jawapan segera sa-

ma ada bekalan telur ada dengan mereka atau sebaliknya dan akan memaklumkan sehari kemudian.

"Pembekal memang menghantar jumlah telur ayam mengikut apa yang ditempah, tapi saya terpaksa menghadkan satu papan sahaja (30 biji) bagi seorang pembeli disebabkan permintaan telur yang sangat tinggi buat masa sekarang," katanya.


**Bekalan terputus seminggu**  
Bagaimanapun, pembekal kedai, Iskandar Abdul Jalil, 28, berkata bekalan telur ayam di kedainya terputus sejak seminggu lalu.

"Majikan saya tidak mengambil bekalan telur apabila pembekal memberitahu harga bagi telur Gred B mencecah hampir RM18 sepanjang. Kenaikan harga itu disebabkan oleh kekurangan bekalan," katanya.

Peniaga biskut dan donut, Noor Liza Salman, 55, berkata kekurangan telur ayam menyebabkan beliau terpaksa mencari jalan lain bagi menampung kos perniagaan dan upah pekerja.

"Sebelum ini, saya hanya fokus buat biskut dan kerepek, namun disebabkan bekalan telur yang gawat saya memulakan perniagaan donut pula."

"Perniagaan donut ini baru bermula dua bulan lepas dan alhamdulillah mendapat sambutan yang luar biasa, sekali gus mem-



Pekerja menyusun telur ayam untuk dijual kepada pelanggan di kedai pemborong Jalan Chow Kit, semalam.

(Foto Azlan Hadi Abu Bakar/BH)

bantu saya untuk mendapatkan semula modal perniagaan.

Selain itu, suri rumah, Yusnizah Yusoff, 47, mendakwa beliau tidak dapat membeli telur ayam sejak menginap.

"Susu nak beli telur biasa kerana yang ada cuma yang mahal bagi golongan B40. Harganya RM8.50 10 biji, berbanding telur biasa yang hanya RM5.90 10 biji."

"Susu sebegini bukan sahaja memberi kesan kepada golongan B40, malah M40 juga. Harga telur ayam juga meningkat dalam tempoh beberapa hari sajalah," katanya.

Di Johor Bahru, orang ramai dan peniaga khawatir jika kekurangan bekalan telur berlarutan sehingga Ramadhan dan Syawal, belum berulan lagi.

Pengguna yang juga usahawan bakeri, Nur Aishah Bahari, 35, berkata masalah kekurangan bekalan telur amat memberi kesan kepada jualan keknya.

Katanya, dalam tempoh seminggu, dia menggunakan hampir 10 papan telur gred A dan apabila bekalan sukar diperoleh,

pastinya memberi kesan kepada perniagaannya.

"Memang susah sangat nak dapatkan telur sekarang, satu hari sampai lima kedai saya pergi pun belum tentu dapat beli telur."

"Kalau dilihat, bekalan yang banyak di pasaran adalah telur ayam kampung, tetapi ia tidak sesuai untuk buat kek, manakala ada juga telur Omega, tetapi mahal."

"Apa yang saya bimbang apabila menjelang Ramadan dan Syawal nanti sebab biasanya penggunaan telur pada musim itu berganda," katanya yang tidak lagi boleh menempah telur daripada pembekal seperti sebelum ini.

Ditanya mengenai gambar yang tular di media sosial yang mendakwa berlaku pertambahan telur secara tiba-tiba, Nur Aishah berkata, dia tidak menemui situasi itu di mana-mana lokasi.

Terdahulu, tinjauan di beberapa kedai runcit, pasar mini, pasar dan pasar raya sekitar bandar raya ini mendapati kebanyakannya rak jualan telur masih kosong atau tidak penuh.

Pengurus Besar Econsave, Mas-

Imran Adam, berkata situasi kekurangan telur dilihat masih sama dan tiada pertambahan bekalan secara mendadak.

### Selesai segera isu

"Sebelum ini memang berlaku kekurangan bekalan telur, tetapi kita difahamkan ia berlaku akibat isu subsidi rendah yang mana pembekal tidak boleh 'bertarah' dengan harga kawalan yang ditetapkan kerana terlalu rendah."

"Isu kekurangan bekalan telur ini perlu diselesaikan segera kerana jika ia terus berlarutan, mungkin sehingga bulan puasa dan raya nanti, kita akan menghadapi kekurangan bekalan yang sangat serius memandangkan telur adalah item masakan yang penting yang mendapat perhatian tinggi pengguna," kata-

""Di Kota Bharu, bekalan telur dan minyak masak paket masih belum pulih sepenuhnya, sekali gus menyebabkan peniaga dan pengguna terus berbeza.

Tinjauan yang dilakukan di beberapa kedai runcit dan pasar borong di sekitar Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong mendapati bekalan telur dan minyak masak paket kehabisan di semua lokasi yang ditinjau.